

13/02/2003

Aidiladha disambut secara sederhana di seluruh negara

KUALA LUMPUR: Masyarakat Islam di negara ini semalam menyambut Aidiladha secara sederhana dengan mengerjakan solat sunat dan tumpuan ibadat korban untuk diagih-agihkan kepada golongan fakir, miskin, anak yatim.

Orang ramai daripada pelbagai kaum dan agama turut memeriahkan hari raya kedua umat Islam itu dengan meneruskan tradisi kunjung-mengunjung serta menghadiri rumah terbuka yang diadakan pemimpin kerajaan.

Orang ramai yang tidak pulang ke kampung berhari raya berikutan cuti singkat, memenuhi masjid sekitar ibu negara seawal jam 7 pagi untuk mengerjakan solat sunat Aidiladha.

Di ALOR STAR, beribu-ribu rakyat pelbagai kaum mengunjungi rumah terbuka Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Dewan Wawasan, Jitra.

Rumah terbuka dari jam 10.30 pagi hingga 3 petang itu turut dihadiri pemimpin negeri dan 12 pemimpin serta pegawai kanan kerajaan Thailand diketuai Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Dalam Negeri Thailand, Siwa Sangmanee.

Terdahulu, Perdana Menteri dan isteri menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Zahir bersama Sultan Kedah Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Syed Razak serta ahli Exco kerajaan negeri.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah kemudian menziarahi kubur arwah bapanya, Mohamad Iskandar dan ibunya, Wan Tempawan Wan Hanafi, di Tanah Perkuburan Islam Akar Peluru di Jalan Pegawai.

Di IPOH, Sultan Perak, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Sultan Yussuf Izzuddin Shah menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Sultan Idris Shah II, bersama kira-kira 500 jemaah.

Di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak (IPK) pula, majlis korban diadakan dengan penyembelihan seekor lembu yang kemudiannya diagihkan kepada balu yang tinggal berhampiran.

Di Bagan Datoh, dekat sini kira-kira 300 lembu dikorbankan di 45 kampung dalam mukim Rungkup, Bagan Datoh, Hutan Melintang dan Teluk Baharu di kawasan Parlimen Bagan Datoh.

Di PULAU PINANG, lebih 4,000 umat Islam menunaikan solat Aidiladha di Masjid Negeri bersama Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas.

Kira-kira 1,000 orang pula menunaikan solat di Masjid Jamek Kepala Batas bersama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah turut menyaksikan majlis korban di lima tempat sekitar kawasan Parlimen Kepala Batas dan menyumbang 57 lembu.

Di MELAKA, Yang di-Pertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabuddin dan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam bersolat bersama lebih 2,000 umat Islam, kira-kira jam 8.30 pagi di Masjid Tun Syed Ahmad Al Haj di Bukit Beruang dekat sini.

Turut hadir Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Amid Nordin.

Syed Ahmad, Mohd Ali dan Amid kemudian meninjau pelaksanaan ibadah korban kelompok membabitkan tiga unta dan 21 lembu untuk diagihkan kepada lebih 1,200 penduduk kariah Bukit Palah di perkarangan masjid negeri, Masjid Al Azim bermula jam 9.30 pagi.

Di KUCHING, Yang Dipertuan Negeri, Tun Abang Mohammad Salahuddin mengetuai pembesar negeri mengerjakan solat bersama kira-kira 1,000 jemaah di Masjid Jamek di sini. Hadir sama Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Walaupun sebahagian besar penduduk yang tinggal di kawasan rendah dan

berhampiran sungai di selatan Kuching baru mengalami banjir besar dan kehilangan harta benda, Aidiladha turut disambut meriah.

Di Kampung Sinar Budi dan Kampung Sebuak, Jalan Landeh di sini, penduduk Islam mengerjakan korban membabitkan kambing dan lembu untuk disedekahkan kepada golongan miskin.

Di SHAH ALAM, 21 lembu dikorbankan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini untuk diagihkan kepada kariah masjid, anak yatim, fakir miskin dan penduduk setempat.

Semua lembu korban itu sumbangan masyarakat sekitar bandar raya ini termasuk satu daripada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Abdul Aziz Shah.

Terdahulu, Sultan Sharafuddin bersama Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo bersolat bersama kira-kira 10,000 rakyat yang diimamkan Mufti negeri, Datuk Tamyas Abd Wahid.

Di Madrasah India Muslim Kampung Pandan di sini, seekor unta dan 115 kambing bernilai RM50,000 dikorbankan dengan dua pertiga daripada daging korban itu diagihkan kepada penderma manakala selebihnya diberikan kepada fakir dan anak yatim.

Di JOHOR BAHRU, Tengku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim Ismail, menunaikan solat di Masjid Pasir Pelangi bersama lebih 1,000 umat Islam di bandar raya ini.

Hadir sama Tengku Bendahara Johor, Tunku Abdul Majid Idris; Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman serta Mufti Johor, Datuk Noh Gadut.

Jabatan Perkhidmatan Haiwan negeri melaporkan 1,039 lembu, 254 kambing dan lima unta dikorbankan di seluruh negeri.

Di KOTA KINABALU, kira-kira 3,000 orang termasuk semua anggota Kabinet kerajaan negeri diketuai Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, mengunjungi rumah terbuka Yang di-Pertua Negeri, Datuk Ahmadshah Abdullah di Istana Negeri, Bukit Bendera.

Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Sabah, Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (Usia) dan Markas Briged Kelima Infantri Kem Lok Kawi di sini, mengadakan majlis korban 15 lembu.

Di SEREMBAN, kira-kira 5,000 orang daripada pelbagai kaum dan agama mengunjungi rumah terbuka Yang di-Pertuan Besar, Tuanku Jaafar dan Tuanku Najihah di Istana Seri Menanti, di sini selain rumah terbuka Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad di kediamannya di Kampung Baru Sirusa, Port Dickson.

Di KUANTAN, Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah bersama Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, menunaikan solat di Masjid Pelangai, Bentong.

Di KOTA BHARU, Sultan dan Raja Perempuan Kelantan menunaikan solat di Masjid Muhammadi bersama pemimpin negeri dan orang ramai manakala Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, di Masjid Pulau Melaka.

Selesai solat, baginda berdua berangkat ke Istana Balai Besar untuk majlis menghadap yang turut dihadiri Timbalan Menteri Besar, Datuk Abdul Halim Abdul Rahman; Hakim Mahkamah Tinggi Kota Bharu, Datuk Muhammad Ideres Muhammad Rapee dan Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah.